

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN WONG KAH WOH [IPOH TIMUR]

SOALAN

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah status penerimaan atau penolakan **Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007** oleh Kerajaan Negeri Perak memandangkan Kerajaan Negeri Perak baru-baru ini telah memberikan konsesi kepada syarikat usahasama Maju Perak Holdings Bhd. untuk mengendalikan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam di seluruh negeri Perak.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, taklimat kepada Exco Kerajaan Negeri Perak bersama Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bagi cadangan penguatkuasaan Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 (Akta 672) dan pelaksanaan penswastaaan perkhidmatan pengurusan sisa pepejal (PSP) dan pembersihan awam (PA) di Negeri Perak telah diadakan pada 11 September 2019 di Pejabat YAB Menteri Besar Perak. Di samping itu, KPKT telah mengemukakan surat susulan bertarikh 21 Mei 2020 kepada Setiausaha Kerajaan (SUK) Negeri Perak bagi mendapatkan pendirian Kerajaan Negeri lanjutan daripada sesi taklimat tersebut. Walau bagaimanapun, sehingga kini KPKT masih belum menerima sebarang maklum balas daripada Kerajaan Negeri Perak.

2. Dalam hal ini, persetujuan Kerajaan Negeri Perak berkenaan cadangan penguatkuasaan Akta 672 dan pelaksanaan penswastaaan perkhidmatan PSP dan PA hendaklah diperolehi terlebih dahulu sebelum dimuktamadkan di peringkat Jemaah Menteri. Sekiranya dipersetujui, satu Perjanjian Tripartite akan ditandatangani antara Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan semua PBT bagi merealisasikan penguatkuasaan Akta 672 dan penswastaaan PSP dan PA.

Sekian, terima kasih.